



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,

88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Puasa 3 - 3 Mac 2024

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu yang kekasih tidak menikmati sukacita sebelum dia menderita kesengsaraan dan tidak masuk ke dalam kemuliaan sebelum Dia disalibkan; dengan penuh rahmat berilah kami anugerah-Mu, supaya kami yang berjalan mengikut jalan salib, akan mendapati jalan itu adalah hidup dan damai sejahtera, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.



# Berilah ...

- Matius 5:42

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. PERISTIWA HARI INI

- Sambutan selamat datang kepada penghuni Kampung Persaraan Anglikan (ARK) ke Kebaktian Hakka kita. Untuk info, Ahad pertama pada setiap bulan, Kebaktian BC akan dijalankan dalam Hakka.
- Gotong-royong petang ini, 2:00-5:00 ptg. Kita ingin menyemarakkan gereja kita dan persekitarannya, sambil bersiap sedia untuk menyambut kehadiran 450 kanak-kanak, guru-guru dan pelayan sukarela untuk Konferensi Penyembahan Kanak-Kanak Diosis, mulai esok, hingga Khamis. Berdoa untuk pekerjaan Roh Tuhan yang hebat.
- TIADA Doa Malam Pujian untuk malam ini.

## 2. MUSIM PUASA

Tempoh masa 40 hari sangat baik diisi dengan masa untuk renungan, pertaubatan, dan pembaharuan.

- 'Doa Harian Musim Puasa' - setiap hari, Isnin-Jumaat, jam 12:00 tengah hari. Ia dijalankan di gereja, dan dalam talian (hibrid); dalam BC, BI & BM (bilik doa berasingan). Dipanjangkan masa untuk berdoa. Anda juga boleh menghantar permintaan doa anda.

Semua dialu-alukan; termasuk rakan-rakan kita. Khamis dan Jumaat lepas, sekitar 40-50 orang menyertainya.

Zoom Meeting ID: [846 5515 2727](#)

Passcode: 0224

- Libatkan diri dalam aktiviti yang akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan - membaca alkitab, berdoa, dengar renungan, muzik dan lagu Kristian, atau baca buku Kristian. Lawati orang sakit, memerlukan dan kesepian.
- Tanggalkan tabiat buruk atau ketagihan tertentu; dan untuk membangunkan gaya hidup sihat.
- Gotong-royong. Buang yang bersepah dan kemaskan yang berantakan di rumah atau pejabat kita. Dan yang paling penting, di dalam hidup kita!!



## 3. TERIMA KASIH ATAS DOANYA

Kebaktian Pentahbisan dan retreat & konferensi diosis berjalan dengan sangat baik. Ramai yang diberkati; Tuhan dimuliakan.

## 4. PEMIMPIN-PEMIMPIN SEL DEWASA

10 Mac, minggu hadapan - pertemuan dengan Rektor & Pastor Margaret:

- 12:00 ptg - para pemimpin sel BI, serta pembantu sel.
- 1:00 ptg - para pemimpin sel BC, serta pembantu sel.

## 5. KHUTBAH MUSIM PUASA - 'TANGGALKANLAH'

"Marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita.", Ibrani 12:1. Kita akan menggunakan Khotbah Yesus di Bukit untuk membimbing pemikiran kita:

- 25 Feb, Puasa 2: 'Menanggalkan kemarahan' - Matius 5:17-27
- 3 Mac - Puasa 3, hari ini: 'Menanggalkan dendam' - Matius 5:38-48
- 10 Mac - Puasa 4: 'Menanggalkan ketamakan' - Matius 6:1-4, 19-24
- 17 Mac - Puasa 5: 'Menanggalkan kekhawatiran' - Matius 6:25-34.



## 6. KELAS PEMBAPTISAN & PENETAPAN

Sila mendaftar sekarang. Calon mestilah berumur 13 tahun dan ke atas. Kami akan mengatur kelas yang sesuai mengikut jadual, bahasa dan kategori umur anda.

## 7. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan kita yang ke-54, akan diadakan pada 30 Mac, Sabtu Kudus, pada pukul 2:00 petang. Sila ambil perhatian:

- sila semak daftar pemilih, dan kemas kini, jika perlu;
- sila serahkan resolusi anda, jika ada, kepada Setiausaha Kehormat selewat-lewatnya pada Sabtu, 16 Mac.
- pemimpin pelayanan, sila serahkan laporan anda selewat-lewatnya pada minggu hadapan, 10 Mac. Kami merancang untuk menyediakan buku laporan dan akaun, sebelum 24 Mac.
- Berdoa untuk masa berkualiti bersama keluarga CCL.

Sementara itu, mesyuarat PCC, Sabtu depan, 9 Mac. Jika anda mempunyai sebarang perkara yang perlu dibincangkan, sila hubungi mereka.

## 8. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Daftarlah sekarang.
- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## TANGGALKANLAH ... DENDAM

“Janganlah membalas dendam terhadap orang yang berbuat jahat kepadamu”[AVB] - Matius 5:39

### Untuk renungan dan perbincangan:

1. Rakan se gereja anda ingin meminjam wang daripada anda. Adakah anda akan meminjamkan? Mengapa atau mengapa tidak?
2. Baca Matius 5:38-42. Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan dengan 'mata ganti mata; gigi ganti gigi'? Asalnya, dalam situasi apakah ianya digunakan? Kel 21:22-27, Im 24:19-20, Ul 19:19 - nampaknya 'hakim' yang akan melaksanakannya. Ia bertujuan untuk menghadkan bahaya; dan bukannya untuk menggalakkan kemudaratan.
3. Bolehkah prinsip 'mata ganti mata; gigi ganti gigi' ini digunakan secara peribadi? Mengapa atau mengapa tidak?
4. Bagaimanakah anda meringkaskan pengajaran Yesus dalam ay 39-42? Adakah anda fikir ajaran itu praktikal pada hari ini? Mengapa atau mengapa tidak? Apakah perkara utama dalam pengajaran Yesus?
5. Baca Roma 12:17-21. Mengapa kita tidak membalas dendam kepada orang yang telah menzalimi kita? Apa yang perlu kita lakukan sebaliknya?
6. Jika pencuri masuk ke dalam rumah anda, dan mengancam keselamatan keluarga; tetapi, syukur, anda dapat menangkap dia. Apakah yang patut anda buat? Bincangkan.
7. Pada masa Puasa ini, tanggalkanlah tabiat dan sikap buruk. Berdoa untuk satu sama lain; terutama, mahu membalas dendam.

## UNTUK DIDOAKAN

### Persekutuan Anglikan yang tercinta

- berdoa untuk kesetiaan kepada Kitab Suci  
[ agar kepimpinan yang saleh dibangkitkan untuk membimbing seluruh Komuniti Anglikan ]

### Diosis Sabah yang tercinta

- berdoa untuk pertumbuhan yang lebih besar dalam kasih dan pelayanan  
[ agar Bishop Melter, dan seluruh kepimpinan diosis dapat memimpin dengan lancar ]

### Diri sendiri

- berdoa untuk kerelaan menanggalkan tabiat dan perkara yang tidak bermanfaat  
[ agar Roh Kudus mengubah banyak perkara dalam kehidupan kita ]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.